

19/10/2003

Wartawan asing tidak sabar tunggu Dr Mahathir

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad hanya akan tiba di sini pagi ini, namun wartawan asing dan tempatan yang membuat liputan mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) nyata menanti-nantikan ketibaan Perdana Menteri.

Dalam sidang media selepas tamatnya mesyuarat dua hari peringkat menteri Apec (AMM) di sini, semalam, soalan tetap ditanya mengenai Dr Mahathir walaupun pengacara berkali-kali mengingatkan wartawan hanya menumpukan soalan kepada Apec.

Seorang wartawan Boston Globe, Amerika Syarikat, mengemukakan pertanyaan kepada Menteri Luar Thailand, Dr Surakiart Sathirathai berhubung pandangannya mengenai kepemimpinan dan sumbangan Dr Mahathir kepada rantau ini.

"Seperti semua ketahui, Dr Mahathir akan menghadiri mesyuarat Apec yang terakhir di sini. Boleh saya meminta pandangan anda mengenai legasi yang beliau tinggalkan untuk Asia Tenggara.

"Apakah bentuk kepemimpinan yang ditunjukkan beliau, bukan saja untuk Malaysia tetapi untuk rantau ini," tanya wartawan berkenaan pada sidang akhbar di Pusat Konvensyen Ratu Sirikit di sini yang dihadiri lebih 200 wakil media yang kebanyakannya adalah dari negara Apec.

Surakiart berkata, agak sukar bagi beliau untuk menjawab soalan yang dikemukakan kerana ia tidak ada kaitan dengan mesyuarat AMM Apec.

"Sebagai menteri luar, saya sepatutnya tidak memberi komen mengenai pemimpin negara lain.

"Namun, saya mahu menyatakan bahawa Dr Mahathir sudah banyak menyumbang kepada rantau ini, terutama Asean selama 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

"Sokongan kuat yang diberikan beliau terhadap proses Asean, termasuk proses campur tiga (Asean + China, Jepun dan Korea Selatan), banyak menyumbang kepada integrasi serantau.

"Saya dengar, walaupun beliau akan mengundur diri sebagai Perdana Menteri dan ini adalah kehadirannya yang terakhir di Apec, Dr Mahathir bersedia memberi nasihat kepada Asean dan negara di rantau ini," kata Surakiart

Selepas jawapan itu, pengacara sekali lagi mengingatkan wartawan supaya hanya mengemukakan pertanyaan berhubung Apec.